

D404

R B946 AAB
SARAWAK - MAHATHIR

I

KUCHING, 15 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD AKAN MELAWAT SARAWAK SELAMA DUA HARI MULAI 5 OKT.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PENERUSI BARISAN NASIONAL, AKAN MENGADAKAN DIALOG DENGAN PARA PEMIMPIN BN TIGA DI NEGERI INI -- PARTI PESAKA BUMIPUTERA BERSATU (PBB), PARTI RAKYAT BERSATU SARAWAK (SUPP) DAN PARTI KEBANGSAAN SARAWAK (SNAP), KATA SETIAUSAHA AGUNG BN TIGA DATUK AMAR LEONARD LINGGI JUGAH HARI INI.

SATU LAGI PARTI KOMPONEN BN DI PERINGKAT PERSEKUTUAN, IAITU PARTI BANSA DAYAK SARAWAK (PBDS), BERTINDAK SEBAGAI PARTI PEMBANGKANG PADA PERINGKAT NEGERI.

PERDANA MENTERI AKAN JUGA MELAWAT KAWASAN PILIHAN RAYA PEDALAMAN DI BETONG DAN MERASMIKAN MASJID NEGERI BARU, YANG DIBINA DENGAN HARGA BEBERAPA JUTA RINGGIT, DI PETRA JAYA DI SINI, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARAS PILIHANRAYA BN TIGA DI IBU PEJABAT PBB DI SINI.

DATUK AMAR LINGGI BERKATA, BN TIGA HAMPPIR MENYIAPKAN PEMBAHAGIAN KERUSI PARLIMEN UNTUK DIPERTANDINGKAN DI SARAWAK PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG. SARAWAK, SEPERTI SABAH, MENGADAKAN PILIHAN RAYA NEGERI BERASINGAN DARIPADA PILIHAN RAYA UMUM. -- LAGI
1653MST 15 09 90

D409

R B949 AAB
SARAWAK - MAHATHIR 2 KUCHING

DATUK AMAR LINGGI JUGA BERKATA JENTERA PILIHAN RAYA BN TIGA SUDAH BERSEDIA UNTUK MENGHADAPI PILIHAN RAYA, DAN MENAMBAH KATA BAHAWA SEMUA PARTI YAKIN DAPAT MENGEKALKAN KERUSI YANG DIMENANGI PADA PILIHAN RAYA 1986.

PBB MEMENANGI SEMBILAN KERUSI PADA PILIHAN RAYA 1986 DENGAN SUPP DAN SNAP MASING-MASING MEMENANGI EMPAT KERUSI, PBDS ENAM DAN DAP SATU. SARAWAK AKAN MEMPUNYAI TIGA KERUSI PARLIMEN BARU, MENJADIKAN JUMLAH KESELURUHAN 27.

MESYUARAT TIGA JAM ITU DIPENGERUSIKAN OLEH KETUA MENTERI DAN PENERUSI BN TIGA TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD. -- BERNAMA
1704MST 15 09 90